



NOTIS PERKAPALAN MALAYSIA
MALYSIAN SHIPPING NOTICE

MSN 10 / 2020

JABATAN LAUT MALAYSIA

Ibu Pejabat, Jabatan Laut Malaysia, Peti Surat 12, 42007 Pelabuhan Klang.

Tel: 03-3346 7777

Fax: 03-3168 5289

E-mail: kpgr@marine.gov.my

Website: <http://www.marine.gov.my>

COVID-19: ARAHAN UNTUK SEMUA SYARIKAT PERKAPALAN DAN PELAUT
(DOKUMENTASI PELAUT - PINDAAN 13 MEI 2020)

COVID-19: INSTRUCTIONS FOR ALL SHIPPING COMPANIES AND SEAFARERS
(SEAFARER DOCUMENTATION - 13 MAY 2020 AMENDMENTS)

Notis kepada pemilik kapal, agen perkapalan, Nakhoda, pelaut, pengusaha pelabuhan, Badan Yang Diiktiraf dan industri maritim.

Notice to ship owners, ship agents, Masters, seafarers, port operators, Recognized Organization and the maritime industry.

1. Dokumentasi pelaut akan diberikan pelanjutan khas memandangkan kesulitan yang melanda pelaut untuk tujuan permohonan pembaharuan disebabkan oleh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

1. The seafarer documentation will be given a special extension in view of the difficulties encountered by the seafarers for the purpose of renewal application due to the Movement Control Order (MCO).

2. Berikut adalah kemaskini tentang tempoh pelanjutan dokumentasi pelaut Malaysia: -

2. Hereby is the updates of the Malaysian seafarer documentation extension: -

a) Kad Pelaut (SID)

a) Seafarer Identification Card (SID)

Tarikh sah laku SID sedia ada yang tamat pada tahun 2020 dilanjutkan secara automatik sehingga 3 bulan dari tarikh tamat tempoh yang asal.

Existing SID expiring in the year 2020 is automatically extended for a period of 3 months from the original expiry date.

b) Sijil Pemeriksaan Kesihatan (MEC)

b) Medical Examination Certificate (MEC)

Tarikh sah laku MEC sedia ada yang tamat pada tahun 2020 secara automatik dilanjutkan sehingga 3 bulan dari tarikh tamat tempoh yang asal.

Existing MEC expiring in the year 2020 is automatically extended for 3 months from the original expiry date.

c) Perakuan Kekompetenan (COC)

c) Certificate of Competency (COC)

Tarikh tamat COC pelaut Malaysia sedia ada dilanjutkan secara automatik sehingga 31 Julai 2020 atau sehingga 3 bulan dari tarikh tamat tempoh yang asal, yang mana lebih awal.

The expiry date of an existing COC of a Malaysian seafarer is automatically extended to 31 July 2020 or 3 months from the original expiry date, whichever is earlier.

d) Perakuan Pengiktirafan (COR)

Tarikh sah laku COR pelaut asing yang sedia ada boleh dilanjutkan sehingga 31 Julai 2020 atau mengikut tarikh pelanjutan yang diberikan oleh negara pengeluar COE asal. Pelaut asing perlu memohon melalui proses pembaharuan COR.

e) Sijil Kecekapan Pelaut (COP/Modular)

Tarikh sah laku COP pelaut Malaysia yang sedia ada dilanjutkan secara automatik sehingga 6 bulan atau sehingga 31 Oktober 2020, yang mana lebih awal.

f) Perjanjian Anak Kapal Malaysia

Perjanjian Anak Kapal yang tamat pada tempoh PKP, sama ada ia melibatkan anak kapal yang dilanjutkan COC/COR atau tidak, dokumen perjanjian tersebut boleh dilanjutkan sehingga 3 bulan.

g) Peperiksaan Lisan

Semua tempoh sah akhir peperiksaan lisan pelaut Malaysia yang jatuh pada tempoh PKP berkuat kuasa, dilanjutkan secara automatik selama 6 bulan dari tarikh tersebut atau sehingga 31 Oktober 2020, yang mana lebih awal.

3. Sebarang ketetapan pelanjutan dokumentasi pelaut yang telah dinyatakan pada [Annex II](#) di MSN 02/2020, melalui pindaan MSN 06/2020 dan MSN 07/2020, perenggan 12 & 13 pada Annex tersebut adalah digantikan dengan notis ini.

4. Notis ini berkuat kuasa pada tarikh ia dikeluarkan.

**KETUA PENGARAH LAUT
13 MEI 2020**

d) Certificate of Recognition (COR)

The expiry date of an existing COR of a foreign seafarer may be extended for 3 months, or until 31 July 2020, or in accordance to the issuance country of the original COE. Affected foreign seafarer shall apply via the COR renewal process.

e) Certificate of Proficiency (COP/Modular)

The expiry date of an existing COP for a Malaysian seafarer is automatically extended for 6 months, or until 31 October 2020, whichever is earlier.

f) Malaysia Crew Article

The Crew Article agreement which expires during MCO period may be extended for 3 months, irrespective whether it involves a COC / COR extension for the crew.

g) Oral Examination

The final validity date of the Malaysian seafarer oral examination that falls during the MCO period, is automatically extended for 6 months or until 31 October 2020, whichever is earlier.

3. Any requirement for extension to the seafarer documentation previously stated in paragraph 12 & 13 of [Annex II](#) of MSN 02/2020, amended by MSN 06/2020 and MSN 07/2020, are hereby superseded by this Notice.

4. This Notice shall take effect on the date of its issuance.

**DIRECTOR GENERAL OF MARINE
13 MAY 2020**